



Menarik di dalam

Kunjungan Hormat

Kerjasama RTM dan TV3

Warta Warisan MPK diterbitkan oleh:
Pusat Sumber MPK,
Bangunan Pejabat Cawangan MPK,
Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang.
Kurator: +603 33758080
Pusat Sumber: +603 33758006

Sidang Redaksi

Penaung

YBrs. Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin

Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

Pengarang / Editor / Penyelidik

Faisal bin Dato' Haji Surani

Reka Bentuk Grafik & Kreatif

Mazlan bin Yahya
Mohd Shahril bin Sanip



Bengkel Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang

Klang, 9 Disember 2021 – Lanjutan daripada Mesyuarat Penjenamaan Semula Jejak Warisan Klang Kepada Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang Bil. 1/2021 yang diadakan pada 23 November lalu, satu bengkel telah diadakan di sebuah hotel terkemuka di Bandar Baru Klang.

Menurut Faisal Surani, Kurator MPK, bengkel ini diadakan bagi mendapatkan maklum balas pandangan dan perbincangan lebih terperinci projek naik taraf Jejak Warisan Bandaraya Diraja (*Klang Royal City Heritage Trail*).

“Menerusi bengkel ini kita ingin dapatkan cadangan, syor serta penambahbaikan bagi projek naik taraf jejak warisan ini serta mengenal pasti kesesuaian laluan setiap jejak dan penanda-penanda tempat pada setiap laluan jejak,” kata Faisal.

Bengkel tersebut dihadiri oleh Arkib Negara Malaysia, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, *International Council On Monuments and Sites (ICOMOS)* Malaysia di samping Jabatan Komunikasi Korporat, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Bangunan, Jabatan Teknologi Maklumat, Jabatan Taman dan Rekreasi, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Kemasyarakatan dari MPK.



YDP MPK dilantik Pegawai Kewangan Negeri



Klang, 15 Disember 2021 –Yang Dipertua MPK, Dr Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, telah dilantik sebagai Pegawai Kewangan Negeri Selangor berkuat kuasa 16 Disember 2021.

Pelantikan ini telah diumumkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 14 Disember 2021.

Beliau menggantikan Dato' Haji Haris bin Kasim yang telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Selangor pada 1 November lalu.

Dr Ahmad Fadzli dilantik sebagai Yang Dipertua MPK pada 9 April 2020. Sidang Redaksi Warta Warisan MPK mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada beliau.



Pegawai Daerah Klang Baru



Klang, 6 Disember 2021 – Tuan Mohd Faizal bin Abdul Raji, mantan Pegawai Daerah Kuala Selangor, telah dilantik sebagai Pegawai Daerah Klang yang baru berkuat kuasa 6 Disember 2021. Tahniah diucapkan.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Tahun 2021 akan melabuhkan tirai namun aktiviti warisan tetap diteruskan malah dipenuhi dengan pelbagai peristiwa bersejarah.

Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Yang Dipertua MPK, telah dilantik sebagai Pegawai Kewangan Negeri Selangor mulai 16 Disember 2021.

Y.A.D. Dato' Setia Diraja Dato' Abdul Ghani bin Haji Pateh Akhir, Orang Besar Daerah Klang pula akan bersara pada 31 Disember 2021.

Awal Disember ini juga menyaksikan Klang menerima Pegawai Daerah baru iaitu Tuan Mohd Faizal bin Abdul Raji.

Projek Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang diteruskan lagi dengan penganjuran Bengkel Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang Bil.1 / 2021.

Bengkel sehari yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di Bandar Baru Klang itu menyaksikan penyertaan wakil-wakil dari pelbagai jabatan dan badan bukan kerajaan. Minat dan kesungguhan mereka dalam perbincangan berkumpul membuktikan komitmen dan sokongan mereka terhadap projek yang julung kali bakal dilaksanakan di negara ini.

Ramai warga Klang yang terbabit dalam musibah banjir mengejut yang berlaku pada pertengahan bulan ini. Sidang Redaksi turut bersimpati terhadap mangsa-mangsa banjir yang termasuk kakitangan MPK sendiri.

Pertandingan Video Promosi Jejak Warisan Klang yang diadakan pada awal bulan ini mendapat sambutan baik. Video yang diterima kesemuanya memaparkan produk warisan, sejarah dan budaya Klang. Tahniah kepada para pemenang.

Bulan ini juga menyaksikan penglibatan Pengarang dalam dua produksi dokumentari stesen televisyen iaitu 'Pangkalan' RTM dan Jejak Rasul 2022 TV3, yang dijangka ditayangkan pada tahun hadapan.

Selamat Hari Natal kepada penganut Kristian..

*Faisal bin Dato' Haji Surani
Kurator*





MALAM ANUGERAH MEDIA MPK PRIHATIN

17 DISEMBER 2021 (JUMAAT)
7.30 MALAM
HOTEL PREMIERE, BUKIT TINGGI

ANJURAN :  DENGAN KERJASAMA : 

TEMA : WARISAN DAN BUDAYA

Bukit Tinggi, 17 Disember 2021 – Hujan lebat dan banjir tidak menghalang penganjuran Malam Anugerah Media MPK tahun ini. Walaupun bermula agak lewat, namun majlis bertemakan warisan dan budaya ini tetap berjalan lancar.

Pada tahun ini dua anugerah baru diperkenalkan iaitu Anugerah Media Warisan Klang dan Anugerah Media Klang Bandar Diraja.

Anugerah Media Warisan Klang dimenangi oleh Sheela Vijayan, dari Free Malaysia Today dengan laporan bertajuk ‘*The bridges of Klang, connecting past and present*’ manakala Anugerah Media Klang Bandar Diraja dimenangi oleh Siti Farah Nadia Fadzlon, dari RTM dengan laporan bertajuk ‘*Jejak Warisan Klang*’.

Persaraan Orang Besar Daerah Klang

Klang, 29 Disember 2021 - Y.A.D. Dato' Setia Diraja Dato' Abdul Ghani bin Haji Pateh Akhir, Orang Besar Daerah Klang akan bersara pada 31 Disember 2021.

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang perlombongan, beliau memulakan tugas pada tahun 2002 menggantikan Dato' Haji Surani bin Dato' Abdul Hamid.

Setelah hampir 20 tahun memangku tugas, beliau memutuskan untuk bersara atas faktor kesihatan, ujar beliau ketika ditemui Kurator MPK, Faisal Surani.

“Biarlah jawatan ini dipulangkan kepada warisnya kembali,” menurutnya lagi.



Klang, 2 Disember 2021 – Di alam Melayu, jalan air merupakan laluan perhubungan semula jadi utama pada masa dahulu. Perkara inilah yang hendak ditonjolkan dalam dokumentari ‘Pangkalan’ yang sedang diusahakan oleh syarikat Wyn Wyn Event Sdn. Bhd. untuk siaran 13 episod di saluran TV1 RTM.

Syarikat berkenaan telah menjalin kerjasama dengan MPK. Kurator MPK, Faisal Surani, yang mewakili MPK telah ditemu bual tentang sejarah Pengkalan Batu di Klang di samping memberi maklumat pelabuhan lain di Tanah Melayu. Rakaman telah dilakukan di beberapa lokasi di sekitar Klang bersama pengacara Selamat Pagi Malaysia, Ridwan Mustafa.

Wawancara Program ‘Pangkalan’ RTM TV1



Shah Alam, 8 Disember 2021 – Tahun 2022 menyaksikan negeri Selangor terpilih sebagai salah satu destinasi rakaman program Jejak Rasul 2022 oleh pihak TV3.

Sehubungan dengan itu Kurator MPK, Faisal Surani telah dijemput ke Mesyuarat Bersama Kru Penerbitan Jejak Rasul 2022.

Kerjasama Program TV3

Jejak Rasul 2022



Atas: Tuan Muhammad Amin Yusoff sedang menerangkan konsep Jejak Rasul 2022 kepada ahli-ahli mesyuarat.

Bawah: Asas penceritaan Jejak Rasul 2022


Turut terlibat dalam kerja sama ini adalah Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dan Encik Ahmad Farhan bin Abdullah dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

TV3 diwakili oleh Tuan Muhamad Amin bin Yusoff selaku penerbit dan Encik Mohd Izzul Iswat bin Mohd Azman dari Islamic Content Department TV3.

Pada mesyuarat tersebut pihak TV3 telah membentangkan konsep dan pelaksanaan 15 episod Jejak Rasul musim 2022 dan keperluan maklumat serta kerjasama daripada PADAT, Kurator MPK dan Encik Farhan.

Sebelum ini pihak TV3 pernah bekerjasama dengan Encik Faisal dalam dokumentari terkenal Majalah 3.

Rakaman dijadual bermula pada pertengahan bulan Januari 2022. Beberapa lokasi bersejarah di Selangor dan Kuala Lumpur telah pun dikenal pasti.



Klang, 10 Disember 2021 – Pejabat Kurator MPK pagi ini menerima kunjungan mengejut daripada wartawan RTM Selangor (Selangor FM), saudara Muhammad Asyraf bin Mohd Zuhairie.

Beliau yang dalam rangka kerja merakam video dokumentari warisan di Klang berhajat untuk mendapatkan maklumat dan gambar-gambar lama Perpustakaan Daerah Klang.

Dalam sesi temu ramah bersama Faisal Surani, Kurator MPK, beliau yang datang dari Bukit Jalil berasa terkejut apabila mendapat tahu kisah menarik pembinaan perpustakaan Klang.

Beliau berasa kagum apabila mengetahui bagaimana warga Klang pada awal tahun 1950-an berganding bahu tanpa mengira bangsa dan agama, daripada pelajar sekolah, pihak kerajaan hinggalah pihak swasta, masing-masing dengan cara tersendiri menyumbang untuk mendirikan sebuah perpustakaan di Klang.



Kunjungan Hormat Kepada Kurator



Klang, 15 Disember 2021 – Penulis dan peminat sejarah Klang, Encik Mahmuddin bin Selamat, hari ini melakukan kunjungan hormat kepada Faisal Surani, Kurator MPK.


Beliau merupakan mantan penjawat awam dan selepas bersara telah menceburkan diri dalam dunia penulisan sejarah khususnya di Klang. Antara karya beliau adalah *Sejarah Kampung Delek Dari Perspektif Si Anak Dagang*, *Coretan Semalam* dan *Memori Terindah*.

Pada pertemuan tersebut pelbagai topik telah dibincangkan merangkumi penyelidikan sejarah, kisah sejarah di sekitar daerah Klang, penulisan serta penerbitan buku sejarah.

Beliau yang ditemani anaknya, Siti Sarah, telah menyerahkan draf empat buah penulisan beliau kepada Faisal bagi tujuan semakan.

Beliau turut mencadangkan kepada Faisal agar semua penyelidikan dan penulisan sejarah Klang dimaklumkan kepada Sultan Selangor kerana Klang adalah Bandar Diraja.

Faisal juga telah menyampaikan hasrat MPK untuk menjemput beliau sebagai salah seorang pembicara bagi program Bicarawara pada tahun hadapan.



Sebahagian daripada penulisan yang sedang diusahakan Encik Mahmuddin ketika ini.



Bengkel Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang Bil 1/2021



Dari kiri TPr. Afzal Azhari dan Puan Sabariah Datuk Seri Dr Ahmad Khan dari ICOMOS Malaysia dan Dr Mardiana Nordin dari Jabatan Sejarah Universiti Malaya



Puan Norfiza Mahfiz Pengarah Komunikasi Korporat MPK



Inspektor Ganeson a/l Rasaiah dari Ibu Pejabat Polis Klang Selatan



Kiri: Bengkel dimulai dengan bacaan doa oleh Ustaz Muhamad Syazwan bin Masduki



Kiri: Ng Ming Yip Universiti Selangor



Kanan: Ts. Sharyzee Mohmad Shukri ICOMOS Malaysia



Atas: Ts Sharyzee bin Mohamad Shukri dari ICOMOS Malaysia menerima cenderahati sebagai pembentang daripada TPr Hajah Yusrina yang mewakili YDP MPK

Kiri: Urus Setia Bengkel Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang Bil. 1 / 2021

Pertandingan VIDEO PENDEK

Jejak Warisan Klang

TARIKH TUTUP: 15-12-2021

1

RM500.00 +
Sijil Penghargaan

2

RM300.00 +
Sijil Penghargaan

3

RM200.00 +
Sijil Penghargaan

HADIAH!

4-10

RM100.00 +
Sijil Penghargaan

[Majlis Perbandaran Klang](#)

[MPKCare](#)

[mpkcare](#)

Sebarang pertanyaan dan maklumat sila hubungi:
 Urusetia Pertandingan Video Jejak Warisan Klang,
 Jabatan Komunikasi Korporat, Pejabat Majlis Perbandaran Klang Cawangan Jalan Tengku Kelana,
 Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41100 Klang Selangor.
 ☎ : 03-3375 8069 / ✉ : unit.penerbitan@mpklang.gov.my

Klang, 29 Disember 2021 – Bersempena dengan ulang tahunnya yang ke 131, Majlis Perbandaran Klang telah menganjurkan Pertandingan Video Promosi Jejak Warisan Klang.

Bertujuan untuk mempromosi tempat-tempat bersejarah di sekitar bandar Klang, acara ini juga secara tidak langsung mengajak orang ramai mengenali dan memartabatkan tapak-tapak warisan bersejarah melalui pendokumentasian berbentuk media yang dapat mempromosi serta memperkenalkan tempat-tempat berkenaan kepada pelancong.

Pertandingan ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 16 tahun ke atas dan boleh disertai secara individu atau secara berkumpulan. Pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi yang menyertai pertandingan ini akan diberikan markah bonus.

Sebanyak 14 penyertaan daripada individu, pelajar institusi pengajian tinggi serta kakitangan MPK telah diterima pada tarikh tutup penyertaan. Encik Syarrizuan bin Abdul Rashid, seorang wartawan, perunding dan pengurus acara, telah dilantik sebagai juri pertandingan.

Tempat pertama dimenangi oleh Hoo Pooi Yen dari Kapar, tempat kedua oleh Bahagian Ukur Bahan Majlis Perbandaran Klang dan Muhammad Firdaus bin Hussin dari Kampung Pandan Klang di tempat ketiga. Masing-masing menerima hadiah berupa wang tunai bersama sijil penghargaan.

Pertandingan Video Promosi Jejak Warisan Klang 2021



Encik Syarrizuan bin Abdul Rashid selaku Juri pertandingan sedang meneliti video-video kiriman peserta pertandingan



PERTANDINGAN VIDEO

Promosi JEJAK WARISAN KLANG

SENARAI PEMENANG

BIL.	NAMA	KEDUDUKAN
1.	Hoo Pooi Yen	JOHAN – RM500
2.	Bahagian Ukur Bahan, MPK	KEDUA – RM300
3.	Mohamad Firdaus bin Hussin	KETIGA – RM200
4.	Jabatan Khidmat Pengurusan, MPK	Saguhati – RM100
5.	Muhammad Shazren bin Baherrudin	Saguhati – RM100
6.	Bahagian Audit Dalam, MPK	Saguhati – RM100
7.	Jabatan Perancang Bandar & Desa MPK	Saguhati – RM100
8.	Jabatan Undang-Undang, MPK	Saguhati – RM100
9.	En. Zairezal bin Ahmad Zainuddin	Saguhati – RM100
10.	Muhammad Asyraf bin Mohd Zuhairie	Saguhati – RM100

TAHNIAH! kepada semua pemenang